

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT,  
PARLIMEN KETIGA BELAS**

---

**PERTANYAAN : BERTULIS**

**DARIPADA : DR. CHE ROSLI BIN CHE MAT  
[ HULU LANGAT- PAS ]**

**SOALAN (NO. 401)**

Minta **MENTERI BELIA DAN SUKAN** menyatakan keunikan dan kelebihan Institut Kemahiran Tinggi Belia Negara berbanding Institut Kemahiran Belia Negara daripada segi kurikulum, pengambilan pelajar, pembelajaran, pencapaian pelajar dan kemudahan yang disediakan.

## **JAWAPAN**

Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pada masa ini terdapat 20 buah Institut Latihan Kemahiran Belia dan Sukan (ILKBS) di seluruh negara. Pusat latihan dibawah Kementerian Belia dan Sukan (KBS) ini, iaitu Institut Kemahiran Belia Negara (IKBN)/ Institut Kemahiran Belia Tinggi Negara (IKTBN) bertanggungjawab menyediakan latihan kemahiran bagi melahirkan belia berkemahiran dalam menyumbang tenaga mahir ke arah negara berpendapatan tinggi menjelang tahun 2020.
  
2. Pada April 2014, YB Menteri Belia dan Sukan telah melancarkan Program Transformasi IKBN, program ini diharap dapat melahirkan modal insan berkemahiran yang memenuhi keperluan dan permintaan industri untuk keperluan pembangunan negara. Aspirasi utama pencapaian program ini adalah:
  - a. Pencapaian kebolehpasaran 90% bagi lepasan pelajar IKBN/ IKTBN
  - b. Memperolehi gaji 10% lebih tinggi daripada purata gaji permulaan belia Negara
  - c. Mengurangkan purata tempoh pulangan pelaburan kepada kurang 10 tahun melalui penggunaan sumber yang efisien; dan